

**PEMBINAAN
INSTRUMEN KESEDIAAN BELAJAR AWAL
KANAK-KANAK (IKBAK)**

Oleh

HASLINA BINTI HANAPI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2013

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjat kesyukuran kepada Allah s.w.t atas limpah dan rahmatnya mengurniakan kesihatan yang berterusan sehingga dapat menyiapkan tesis ini dengan sempurna. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua penyelia Profesor Dr. Zurida Ismail dan Profesor Madya Dr. Nordin Abdul Razak atas bimbingan yang berterusan tanpa mengira penat dan jemu. Saya amat berterima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang menaja biasiswa dan cuti belajar bergaji penuh untuk saya menyiapkan tesis ini.

Saya juga terhutang budi kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia Profesor Dr. Abdul Rashid Mohamed, semua pensyarah dan staf sokongan di sini termasuk kaki tangan Perpustakaan Hamzah Sendut, ahli Persatuan Siswazah Lanjutan (Persila) atas dorongan dan sokongan moral yang diberikan dalam proses menyiapkan tesis ini. Saya juga amat menghargai sokongan padu daripada Pengarah dan semua kaki tangan Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, Pengarah KEMAS Negeri Terengganu, Pengarah Yayasan Islam Terengganu, Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Terengganu dan sekolah-sekolah serta guru-guru yang terlibat.

Akhir sekali, saya amat terhutang budi kepada ibu saya Hj. Khadijah bt. Saleh, Arwah ayah saya Hj. Hanapi b. Hj. Ismail, dan anak-anak saya Solihuddin, Siti Hajar dan Syafiq Haikal kerana telah banyak berkorban dengan penuh kesabaran dan memberi sokongan moral sepanjang saya menyiapkan tesis. Saya berdoa agar semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan tugas suci ini dianugerahkan berkat ilmu dan kejayaan di dunia dan akhirat.

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI RUJUKAN.....	x
SENARAI LAMPIRAN.....	x
SENARAI PEMBENTANGAN.....	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xviii
ABSTRAK	xix
ABSTRACT	xx
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah Kajian.....	6
1.4 Tujuan Kajian	10
1.5 Soalan Kajian	11
1.6 Signifikan Kajian	11
1.7 Skop Kajian (Delimitasi Kajian)	13
1.8 Batasan Kajian	15
1.9 Definisi Operasi Konseptual dan Definisi Operasi	18
1.9.1 Kesediaan Belajar	18
1.9.2 Kesejahteraan Fizikal.....	18
1.9.3 Kemahiran Berbahasa.....	19
1.9.4 Kemahiran Kognitif.....	19
1.9.5 Perkembangan Bersosial.....	20

1.10	Rumusan Kajian.....	20
------	---------------------	----

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	21
2.2	Falsafah Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak.....	23
2.2.1	Fahaman Idealis / Nativis (<i>Idealist / Nativist</i>)	23
2.2.2	Fahaman Empiris / Pencinta Persekitaran (<i>Empiricist / Environmental</i>).....	25
2.2.3	Fahaman Sosial Konstruktif (<i>Social Constructivist</i>).....	27
2.2.4	Fahaman Interaktif (<i>Interactionist</i>).....	29
2.3	Definisi Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak.....	30
2.3.1	Bruner 1966.....	31
2.3.2	Kagan (1990).....	32
2.3.3	Cuban (1992).....	33
2.3.4	<i>National Center for Education Statistics (NCES)</i> (1993).....	34
2.3.5	<i>National Education Goal Panel (NEPG)</i> (2002).....	35
2.3.6	Kementerian Pelajaran Malaysia (2009).....	39
2.4	Skala dan Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak.....	43
2.4.1	Skala Kognitif dan Instrumen.....	43
2.4.2	Skala Afektif dan Instrumen.....	47
2.4.3	Skala Psikomotor dan Instrumen.....	51
2.4.4	Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak Mengandungi Skala Kognitif, Afektif dan Psikomotor.....	54
2.5	Pendekatan Kepada Pengukuran Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak..	55
2.5.1	Pengujian Formal.....	55
2.5.2	Pengujian Tidak Formal.....	56
2.5.3	Pendekatan Pengukuran Mengikut Falsafah.....	62
2.5.4	Instrumen Mengukur Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak Pilihan.....	73

2.5.5	Pemilihan Instrumen Mengukur Kesiapan Belajar Awal Kanak-kanak.....	79
2.5.6	Kelebihan dan Kelemahan <i>The Metropolitan Readness Test (MRT)</i>	84
2.5.7	Kelebihan dan kelemahan <i>The Early Development Instrument (EDI)</i>	85
2.6	Ciri-ciri Psikometrik.....	86
2.6.1	Konsep Kesahan Menurut Popham (2000).....	87
2.6.2	Konsep Kesahan Menurut Messick (1994).....	94
2.6.3	Kesahan Menurut Model Rasch.....	109
2.6.4	Konsep Kebolehpercayaan.....	115
2.6.5	Hubungan Antara Kesahan dan Kebolehpercayaan.....	117
2.7	Teori Pengukuran.....	118
2.7.1	Teori Respon Item (<i>Item Response Theory - IRT</i>).....	120
2.7.1.1	Model-model Pemilihan Teori Respons Item.....	123
2.7.1.2	Model Pengukuran Rasch.....	125
2.7.1.3	Model Rasch dan Pembinaan Ujian.....	127
2.7.1.4	Model Logistik dan IRT Normal.....	129
2.7.1.5	Trait Faktor Pendam.....	130
2.7.2	Teori Pengujian Klasik (<i>Classical Test Theory – CTT</i>).....	131
2.7.2.1	Batasan Teori Ujian Klasikal (<i>Classical Test Theory - CTT</i>).....	133
2.7.3	Perbandingan Teori Ujian Klasikal dan Teori Respons Item..	134
2.8	Model Rasch dan Kualiti Ujian.....	137
2.8.1	Polariti Item (<i>Item Polarity</i>).....	138
2.8.2	Peta Item – Individu (<i>Item – Person Map</i>).....	139
2.8.3	Menilai Ketidakpadanan (<i>Misfit</i>).....	139
2.8.4	Kesesuaian Item (<i>Item Fit</i>).....	140
2.8.5	Indeks Pengasingan (<i>Separation Index</i>).....	142

2.8.6	Analisis Komponen Asas Bagi Kesamaan Residual Dimensionaliti (<i>Principal Component Analysis of Residuals Uniskalaonality</i>).....	143
2.8.7	Kesesuaian Individu (<i>Person Fit</i>).....	144
2.8.8	Skala Pemeringkatan (<i>Rating</i>).....	145
2.9	Analisis Varian.....	145
2.9.1	Rekabentuk Penuh Rawak.....	145
2.9.2	Rekabentuk Berbilang Bandingan.....	147
2.9.3	Rekabentuk Blok Rawak.....	149
2.9.4	Rekabentuk Faktorial.....	152
2.10	Kerangka Konsep Kajian.....	153
2.11	Rumusan.....	156
 BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pendahuluan.....	159
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	160
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian.....	161
3.4	Instrumen Kajian.....	167
3.4.1	<i>Early Development Instrument (EDI)</i>	167
3.4.2	<i>Metropolitan Readiness Test (MRT)</i>	169
3.5	Prosedur Pengumpulan Data.....	169
3.6	Tatacara Analisis Data.....	170
3.7	Kesimpulan.....	173
 BAB 4 PEMBINAAN INSTRUMEN		
4.1	Pendahuluan.....	174
4.2	Kajian Awal Tentang Ujian Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak.....	174
4.3	Instrumen Kajian.....	178
4.3.1	<i>Early Development Instrument (EDI)</i> (Instrumen Perkembangan Awal Kanak-kanak).....	178

4.3.2	<i>Metropolitan Readiness Test (MRT)</i> (Ujian Kesiediaan Belajar Metropolitan).....	181
4.4	Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK).....	185
4.4.1	Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak A (IKBAK A)..	185
4.4.2	Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak B (IKBAK B).....	186
4.5	Prosedur Mengadaptasi Instrumen IKBAK.....	186
4.5.1	Terjemahan dan Semakan.....	189
4.5.2	Terjemahan Kembali.....	190
4.5.3	Pengadilan Pakar.....	191
4.5.4	Pengesahan Terjemahan.....	195
4.5.5	Membentuk Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) Sebelum Kajian Rintis.....	196
4.6	Kajian Rintis.....	197
4.7	Semakan oleh Pakar Kanak-kanak.....	207
4.8	Rumusan.....	209
 BAB 5 DAPATAN KAJIAN		
5.1	Pendahuluan.....	211
5.2	Maklumat Demografi Responden.....	213
5.2.1	Maklumat Demografi Guru.....	213
5.2.2	Maklumat Demografi Kanak-kanak Prasekolah.....	215
5.3	Analisis Ciri-ciri Psikometrik Bagi Skala Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK).....	217
5.4	Analisis Skala Kesejateraan Fizikal.....	222
5.4.1	Analisis Polariti Item dan Analisis Statistik Kesesuaian Item (Item Fit).....	222
5.4.2	Analisis Taburan Item – Skala (Wright Map).....	225
5.4.3	Analisis Dimensionaliti.....	229
5.4.4	Analisis Kebolehpercayaan Item dan Skala.....	231
5.4.5	Rumusan.....	231

5.5	Analisis Skala Kemahiran Berbahasa.....	232
5.5.1	Analisis Polariti dan Analisis Statistik Kesesuaian Item (<i>Item Fit</i>).....	232
5.5.2	Taburan Taburan Item – Skala (<i>Wright Map</i>).....	235
5.5.3	Analisis Dimensionaliti.....	240
5.5.4	Analisis Kebolehpercayaan Item dan Skala.....	241
5.5.5	Rumusan.....	241
5.6	Skala Kemahiran Kognitif.....	242
5.6.1	Analisis Polariti dan Analisis Statistik Kesesuaian Item (<i>Item Fit</i>).....	242
5.6.2	Analisis Taburan Item – Skala (<i>Wright Map</i>).....	244
5.6.3	Analisis Dimensionaliti.....	249
5.6.4	Analisis Kebolehpercayaan Item dan Skala.....	251
5.6.5	Rumusan.....	251
5.7	Analisis Skala Perkembangan Bersosial.....	252
5.7.1	Analisis Polariti dan Analisis Statistik Kesesuaian Item (<i>Item Fit</i>).....	252
5.7.2	Analisis Taburan Item – Skala (<i>Wright Map</i>).....	254
5.7.3	Analisis Dimensionaliti.....	260
5.7.4	Analisis Kebolehpercayaan Item dan Skala.....	261
5.7.5	Rumusan.....	262
5.8	Ringkasan Analisis Item Bagi Instrumen Kesediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK) Menggunakan Model Rasch.....	263
5.8.1	Kebolehpercayaan Item dan Skala.....	263
5.8.2	Indeks Pemisahan dan Skala Individu.....	264
5.8.3	Ringkasan Statistik Keserasian Item.....	265
5.9	Analisis Kesukaran Item Mengikut Konstruk dan Kesediaan Belajar Responden.....	267
5.9.1	Analisis Individu – Item Mengikut Konstruk Bagi Kategori Kanak-kanak Sangat Bersedia.....	270

5.9.2	Analisis Individu – Item Mengikut Konstruk Bagi Kategori Kanak-kanak Sederhana Bersedia.....	270
5.9.3	Analisis Individu – Item Mengikut Konstruk Bagi Kategori Kanak-kanak Kurang Bersedia.....	274
5.10	Analisis Deskriptif Skala Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK).....	277
5.10.1	Analisis Skala IKBAK Merentas Kumpulan Jenis Prasekolah....	277
5.10.2	Analisis Skala IKBAK Merentas Kumpulan Jantina Kanak-kanak.....	280
5.11	Analisis ANOVA Satu Hala Bagi Skala Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK).....	283
5.11.1	Rumusan Analisis ANOVA Satu Hala Skala IKBAK Merentas Jenis Prasekolah.....	284
5.11.2	Analisis ANOVA Satu Hala Skala IKBAK Berdasarkan Jenis Prasekolah Menggunakan Ujian Tukey HSD.....	287
5.11.3	Rumusan Analisis ANOVA Satu Hala Skala IKBAK Merentas Jantina Kanak-kanak.....	290
5.10.4	Analisis ANOVA Satu Hala Skala IKBAK Berdasarkan Jantina Kanak-kanak Menggunakan Ujian Tukey HSD.....	291
5.12	Kesimpulan Dapatan Kajian.....	293
 BAB 6 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN		
6.1	Pendahuluan.....	296
6.2	Ringkasan Kajian.....	296
6.3	Ringkasan Kajian Bagi Mengenalpasti Keperluan Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak.....	297
6.4	Ringkasan Rumusan Kajian Mengenalpasti Skala Bagi Membina Insrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK).....	298
6.5	Rumusan Ujian Kesesuaian Item Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK).....	299
6.5.1	Rumusan Analisis Polariti dan Analisi Statistik Kesesuaian Item (Item Fit).....	301
6.5.2	Rumusan Analisis Tabutan Item – Skala (Wight Map.....	305
6.5.3	Rumusan Analisis Dimensionaliti.....	308

6.5.4	Rumusan Analisis Kebolehpercayaan Item dan Skala.....	309
6.6	Rumusan Kajian Tentang Kesukaran dan Kesiediaan Belajar Responden Mengikut Skala dalam IKBAK.....	310
6.7	Rumusan Kajian Tentang Profil Pelajar Berdasarkan Skala dalam IKBAK.....	311
6.7.1	Rumusan Kajian Tentang Profil Pelajar Berdasarkan Skala dalam IKBAK Merentas Jenis Prasekolah.....	311
6.7.2	Rumusan Kajian Tentang Profil Pelajar Berdasarkan Skala dalam IKBAK Merentas Jenis Jantina.....	312
6.8	Rumusan Tentang Impikasi Kajian.....	312
6.8.1	Menyediakan Instrumen Kesiediaan Belajar Kanak-kanak.....	312
6.8.2	Membantu Perancangan Intervensi dan Pengajaran.....	313
6.8.3	Pendedahan Tentang Skala Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak.....	314
6.8.4	Menjamin Kecemerlangan Kanak-kanak.....	314
6.9	Kajian Lanjutan.....	316
6.8.1	Cadangan Untuk Amalan Pendidikan.....	316
6.8.2	Cadangan Kajian Lanjutan.....	317
6.9	Kesimpulan.....	318
	SENARAI RUJUKAN	319
	SENARAI LAMPIRAN	
Lampiran A	Senarai Nama Prasekolah di Darah Besut	331
Lampiran B	Surat Kebenaran Universiti Sains Malaysia (USM)	335
Lampiran C	Surat Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia (EPRD)	336
Lampiran D	Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT)	337
Lampiran E	Surat Kebenaran Yayasan Islam Terengganu (YIT)	338
Lampiran F	Surat Kebenaran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (KEMAS), Negeri Terengganu	339

Lampiran G	Surat Kebenaran Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Negeri Terengganu	340
Lampiran H	Skala Kesiediaan Belajar Diperlukan Guru Thun Satu	341
Lampiran I	<i>Early Development Instrument 1 (EDI 1), Early Development Instrument 2 (EDI 2), dan Early Development Instrument 3 (EDI 3) Asal</i>	342
Lampiran J	Surat Kebenaran EDI	359
Lampiran K	<i>Metropolitan Readiness Test 1(MRT 1) dan Metropolitan Readiness Test 2 (MRT 2) Asal</i>	360
Lampiran L	IKBAK A Selepas Terjemahan dan Semakan	390
Lampiran M	IKBAK B Selepas Terjemahan dan Semakan	405
Lampiran N	IKBAK A Terjemahan Kembali Ke Bahasa Inggeris	415
Lampiran O	IKBAK B Terjemahan Kembali Ke Bahasa Inggeris	430
Lampiran P	Jadual Analisis Item Kajian Pakar IKBAK A	440
Lampiran Q	Jadual Analisis Item Kajian Pakar IKBAK B	443
Lampiran R	Pengesahan Terjemahan IKBAK A dan IKBAK B	446
Lampiran S	Jadual Item Mengikut Konstruk dan Sub Konstruk Kesiediaan Belajar Bagi Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak A (IKBAK A)	447
Lampiran T	Jadual Item Mengikut Konstruk dan Sub Konstruk Kesiediaan Belajar Bagi Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak B (IKBAK B)	452
Lampiran U	Jadual Analisis Item Kajian Rintis IKBAK A	455
Lampiran V	Jadual Analisis Item Kajian Rintis IKBAK B	457
Lampiran W	IKBAK A Selepas Kajian	459
Lampiran X	IKBAK B Selepas Kajian	468
Lampiran Y	IKBAK Akhir	475
Lampiran Z	Ringkasan Dapatan Analisis Item Polariti dan Analisis Kesesuaian Item (<i>Item Fit</i>) Bagi Skala Kesejahteraan Fizikal Pusingan Pertama	484
Lampiran AA	Ringkasan Dapatan Analisis Item Polariti dan Analisis Kesesuaian Item (<i>Item Fit</i>) Bagi Skala kesejahteraan Fizikal Setelah Item PF 18 dan PF 19 Dibuang Pada Pusingan Kedua	485

Lampiran AB	Ringkasan Dapatan Analisis Item Polariti dan Analisis Kesesuaian Item (<i>Item Fit</i>) Bagi Skala Kesejahteraan Fizikal Pusingan Ketiga	486
Lampiran AC	Ringkasan Dapatan Analisis Item Polariti dan Analisis Kesesuaian Item (<i>Item Fit</i>) Bagi Skala Kemahiran Berbahasa Pusingan Pertama	487
Lampiran AD	Ringkasan Dapatan Analisis Item Polariti dan Analisis Kesesuaian Item (<i>Item Fit</i>) Bagi Skala Kemahiran Kognitif Pusingan Pertama	488
Lampiran AE	Ringkasan Dapatan Analisis Item Polariti dan Analisis Kesesuaian Item (<i>Item Fit</i>) Bagi Skala Perkembangan Bersosial	489
Lampiran AF	Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK)	490

SENARAI KERTAS PEMBENTANGAN

Haslina dan Zurida (2008). *Kesediaan Belajar Kanak-kanak Prasekolah*. Paper presented at the Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pendidikan Khas, Cititel Hotel, Pulau Pinang.

Haslina (2012). *Pendekatan Model Rasch Membina Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak bagi Skala Kesejahteraan Fizikal*. Paper presented at the Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Kota Bharu.

Haslina dan Zurida (2012) *Pendekatan Model Rasch Bagi Menguji Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK)*. Paper presented at the International Conference of Educational Management Administration and Leadership (ISEMAL) , Surabaya Indonesia.

SENARAI JADUAL

		Muka Surat
Jadual 1.1	Kaitan antara Definisi Asal, Pengecilan Definisi Asal dan Rasional	15
Jadual 2.1	Perbezaan antara Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	41
Jadual 2.2	Jenis-jenis Ujian dan Konstruk Diukur (Meisels, 1996)	66
Jadual 2.3	Keperluan dan Strategi Kesediaan Belajar Kanak-kanak (Love, et al, 1994)	68
Jadual 3.1	Senarai Jenis Prasekolah, Bilangan Guru dan Kanak-kanak Pada Tahun 2009, di Daerah Besut, Terengganu	162
Jadual 3.2	Jadual Penentuan Sampel Kajian	163
Jadual 3.3	Soalan Kajian dan Jenis Analisis yang Dipilih	172
Jadual 4.1	Pengetahuan Sedia Ada Guru Tentang Kesediaan Belajar Awal Kanak-kanak	175
Jadual 4.2	Ringkasan Pemilihan Skala oleh Guru Sekolah	177
Jadual 4.3	Maklumat dalam Ketiga-tiga Instrumen EDI	180
Jadual 4.4	Pecahan Skala Kesediaan Belajar Mengikut Item yang Diadaptasi dari "Early Development Instrument (EDI)" Bahagian II	181
Jadual 4.5	Maklumat dalam Kedua-dua Instrumen MRT	183
Jadual 4.6	Skala Kesediaan Belajar mengikut Item yang Terdapat pada Inventori Perkembangan	184
Jadual 4.7	Samakan Item Terhadap Instrumen IKBAK	190
Jadual 4.8	Analisis Peratusan Persetujuan Pakar Terhadap Item Instrumen IKBAK A	194
Jadual 4.9	Analisis Peratusan Persetujuan Pakar Instrumen IKBAK B	195
Jadual 4.10	Analisis Item Kajian Rintis Instrumen IKBAK A	201
Jadual 4.11	Analisis Item Kajian Rintis Instrumen IKBAK B	203
Jadual 4.12	Pecahan Skala Kesediaan Belajar Awal Kanak-kanak Mengikut Item Bagi IKBAK A	205
Jadual 4.13	Pecahan Skala Kesediaan Belajar Awal Kanak-kanak Mengikut Item Bagi IKBAK B	206

Jadual 4.14	Analisis Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK)	208
Jadual 4.15	Jadual Skala Dan Item Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK)	213
Jadual 5.1	Pembahagian Bilangan Prasekolah Mengikut Jenis dan Bilangan Kelas	213
Jadual 5.2	Profil Peserta Guru Prasekolah	214
Jadual 5.3	Profil Peserta Kanak-kanak Prasekolah	216
Jadual 5.4	Nilai Diterima Bagi Kajian Ciri-ciri Psikometrik	220
Jadual 5.5	Ringkasan Dapatan Analisis Item Polariti dan Analisis Kesiesuaian Item (<i>Item Fit</i>) Bagi Skala Kesejahteraan Fizikal	224
Jadual 5.6	Dapatan Analisis Item Mengikut Kesukaran Bagi Skala Kesejahteraan Fizikal	228
Jadual 5.7	Ringkasan Dapatan Analisis Item Polariti dan Analisis Kesiesuaian Item (<i>Item Fit</i>) Bagi Skala Kemahiran Berbahasa	234
Jadual 5.8	Dapatan Analisis Kesukaran Item Bagi Skala Kemahiran Berbahasa	238
Jadual 5.9	Ringkasan Dapatan Analisis Item Polariti dan Analisis Kesiesuaian Item (<i>Item Fit</i>) Bagi Skala Kemahiran Kognitif	244
Jadual 5.10	Dapatan Analisis Kesukaran Item Bagi Skala Kemahiran Kognitif	248
Jadual 5.11	Ringkasan Dapatan Analisis Item Polariti dan Analisis Kesiesuaian Item (<i>Item Fit</i>) Bagi Skala Perkembangan Bersosial	253
Jadual 5.12	Dapatan Analisis Kesukaran Item Bagi Skala Perkembangan Bersosial	258
Jadual 5.13	Ringkasan Dapatan Analisis Setiap Skala Bagi Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK)	263
Jadual 5.14	Senarai Item yang Sukar Dicapai Oleh Kanak-kanak yang Sederhana Bersedia	272
Jadual 5.15	Senarai Item yang Sukar Dicapai oleh Kanak-kanak yang Kurang Bersedia	275
Jadual 5.16	Analisis Min Skor dan Sisihan Piawai Bagi Skala Dalam Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak Merentas Jenis Prasekolah	278
Jadual 5.17	Analisis Min Skor dan Sisihan Piawai bagi Skala Dalam Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak Merentas Jenis Jantina	280
Jadual 5.18	Ringkasan Dapatan Analisis ANOVA Satu hala Bagi Skala IKBAK Merentas Jenis Prasekolah	284
Jadual 5.19	Ringkasan Dapatan Analisis ANOVA Satu Hala Menggunakan Ujian Tukey HSD Bagi Skala IKBAK Merentas Jenis Prasekolah	287

Jadual 5.20	Ringkasan Dapatan Analisis ANOVA Satu Hala Bagi Skala IKBAK Merentas Jantina	289
Jadual 5.21	Ringkasan Dapatan Analisis ANOVA Satu Hala Menggunakan Ujian Tukey HSD Bagi Skala IKBAK Merentas Jenis prasekolah	290
Jadual 6.1	Ringkasan Dapatan Analisis Polariti Bagi Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK)	294
Jadual 6.2	Ringkasan Dapatan Analisis Kesesuaian Item Bagi Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK)	302

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 2.1	Taksonomi Kognitif Bloom	44
Rajah 2.2	Taksonomi Afektif Krathwolh	47
Rajah 2.3	Taksonomi Psikomotor Harrow	51
Rajah 2.4	Skala Pembolehubah Dalam Model Rasch	111
Rajah 2.5	Keluk Ciri Item Menunjukkan Hubungan Antara Kebolehan dan Respons Item	122
Rajah 2.6	Skima Persampelan untuk Rekabentuk Penuh Rawak	146
Rajah 2.7	Kerangka Konsep Kajian	155
Rajah 3.1	Strategi Persampelan	166
Rajah 5.1	Analisis Pemetaan Kesukaran Item – Kebolehan Individu Bagi Skala Kesejahteraan Fizikal	226
Rajah 5.2	<i>“Standardized Residual Variance Variance in Eigenvalue Units”</i> bagi Skala Kesejahteraan Fizikal	230
Rajah 5.3	<i>“Largest Standardized Residual Correlations”</i> bagi Skala Kesejahteraan Fizikal	230
Rajah 5.4	Analisis Pemetaan Kesukaran Item – Kebolehan Individu Bagi Skala Kemahiran Berbahasa.	236
Rajah 5.5	<i>“Standardized Residual Variance Variance in Eigenvalue units”</i> bagi Skala Kemahiran Berbahasa	240
Rajah 5.6	<i>Largest Standardized Residual Correlations”</i> bagi Skala Kemahiran Berbahasa	241
Rajah 5.7	Analisis Pemetaan Kesukaran Item – Kebolehan Individu Bagi Skala Kemahiran Kognitif	246
Rajah 5.8	<i>“Standardized Residual Variance Variance in Eigenvalue units”</i> bagi Skala Kemahiran Kognitif	250
Rajah 5.9	<i>“Largest Standardized Residual Correlations”</i> bagi Skala Kemahiran Kognitif	250
Rajah 5.10	Analisis Pemetaan Kesukaran Item – Kebolehan Individu Bagi Skala Perkembangan Bersosial	255
Rajah 5.11	<i>“Standardized Residual Variance Variance in Eigenvalue units”</i> bagi Skala Perkembangan Bersosial	261

Rajah 5.12	<i>“Largest Standardized Residual Correlations”</i> bagi Skala Perkembangan Bersosial	261
Rajah 5.13	Taburan Individu dan Item Mengikut Tahap Keupayaan Setiap Individu dan Tahap Kesukaran Setiap Item dalam Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK)	268
Rajah 5.14	Taburan Individu- Item Mengikut Skala dalam Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK)	269
Rajah 5.15	Perbandingan Skala dalam Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK) Merentas Jenis Prasekolah	282
Rajah 5.16	Perbandingan Skala dalam Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK) Merentas Jantina	285

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Perihal
EDI	<i>Early Development Instrument</i>
MRT	<i>Metropolitan Readiness Test</i>
IKBAK	Instrumen Kesediaan Belajar Awal Kanak-kanak
Outfit	Statistik min yang dipengaruhi oleh outlier yang berdasarkan statistik konvensional khi-kuasa dua. Ini adalah lebih sensitif kepada pemerhatian yang tidak diduga.
Infit	Statistik min yang dipengaruhi oleh inlier dan berdasarkan statistik khi-kuasa dua dengan setiap pemerhatian diwajibkan mengikut maklumat statistik (model varians). Ini adalah lebih sensitif kepada corak pemerhatian yang tidak diduga.
Mean - Square	Statistik khi-kuasa dua dibahagikan dengan darjah kebebasan. Akibatnya nilai yang dijangkakan adalah dekat kepada 1.0. Nilai-nilai yang lebih besar daripada 1.0 (underfit) menunjukkan bunyi unmodeled atau sumber lain varians dalam data - ini pengukuran merendahkan. Nilai kurang daripada 1.0 (overfit) menunjukkan model ini meramalkan data terlalu baik - ringkasan statistik yang menyebabkan, seperti statistik kebolehppercayaan, melaporkan statistik melambung. Lihat lagi dikotomi dan polytomous statistik min persegi. Punca kuasa dua (min persegi) adalah suatu anggaran saiz kesan.
Z - Standardized	Melaporkan Laporan signifikan statistik (kebarangkalian) chi kuasa dua (mean square) statistik yang berlaku secara kebetulan apabila data yang sesuai dengan model Rasch. Nilai yang dilaporkan adalah normal unit menyimpang, di mana 0,05% 2-sisi kepentingan sepadan sehingga 1.96. Overfit dilaporkan dengan nilai-nilai negatif. Ini juga dipanggil t-statistik yang dilaporkan dengan terhitung darjah kebebasan.
Infit MNSQ	Dipengaruhi oleh titik terpercil. Biasanya mudah untuk mendiagnosis dan membetulkan. Ancaman kepada pengukuran yang kurang. Infit mean-square standardized
Outfit MNSQ	Dipengaruhi oleh pola tindak balas. Biasanya sukar untuk mendiagnosis dan membetulkan. Ancaman yang lebih besar kepada ukuran.
Ujian Tukey HSD –Post Hoc	Satu ujian post-hoc diperlukan selepas kita melengkapkan ANOVA untuk menentukan yang mana kumpulan berbeza daripada satu sama lain. Bagi ujian post-hoc Tukey kita pertama akan mendapati perbezaan dan membandingkan secara terperinci perbezaan tersebut. Nilai kritikal dalam kes ini adalah HSD (jujur ketara perbezaan) dan ia mesti dikira.

**PEMBINAAN
INSTRUMEN KESEDIAAN BELAJAR AWAL KANAK-KANAK (IKBAK)**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menguji Kualiti Psikometrik Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK) dalam mengukur kesiediaan belajar kanak-kanak dalam kerangka Rasch Model berdasarkan: (a) Analisis Item Polarity; (b) Analisis Kebolehpercayaan; (c) Analisis Kesesuaian Item (Item Fit); (d) Analisis Taburan Aras Kesukaran Item dan Kebolehan Individu; dan (e) Analisis Undimensionality. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti profil pelajar berdasarkan skala merentas perbezaan jantina dan jenis prasekolah menggunakan analisis varian (ANOVA) satu hala dengan mengaplikasikan analisis Turkey dan Post-Hoc. Penyelidikan ini telah dijalankan terhadap prasekolah ANNEX, Tadika Yayasan Islam Terengganu (YIT), Tadika KEMAS, dan Tabika PERPADUAN yang terdapat di Daerah Besut, Terengganu, dan melibatkan 500 sampel. Dapatan menunjukkan terdapat 70 item telah dikekalkan dalam IKBAK setelah analisis Rasch dilakukan dengan: (a) 15 item bagi Kesejahteraan Fizikal; (b) 18 item bagi Kemahiran Berbahasa; (c) 19 item bagi Kemahiran Kognitif; dan (d) 18 item bagi Perkembangan Bersosial. Hasil analisis antara kumpulan jenis prasekolah bagi skala kesiediaan belajar menunjukkan kanak-kanak dari prasekolah ANNEX mempunyai min logits yang tinggi bagi dua skala kesiediaan belajar iaitu skala Kemahiran Berbahasa dan Kemahiran Kognitif, berbanding Tadika KEMAS, Tabika PERPADUAN dan Tadika YIT. Manakala kanak-kanak dari Tadika YIT pula mempunyai nilai min logits yang tinggi bagi Kesejahteraan Fizikal dan Perkembangan Bersosial, berbanding kanak-kanak dari Prasekolah ANNEX, Tabika PERPADUAN dan Tadika YIT. Secara perbandingannya, kanak-kanak dari Tabika PERPADUAN menunjukkan min logits paling rendah dalam kebanyakan semua skala iaitu Kesejahteraan Fizikal, Kemahiran Berbahasa, Kemahiran Kognitif, dan Perkembangan Bersosial bagi kesiediaan belajar kanak-kanak. Analisis juga menunjukkan kanak-kanak lelaki mempunyai min logits yang tinggi bagi dua skala kesiediaan belajar iaitu skala Kemahiran Berbahasa dan Perkembangan Bersosial, berbanding kanak-kanak perempuan. Manakala kanak-kanak dari perempuan pula mempunyai nilai min logits yang tinggi bagi Kesejahteraan Fizikal dan Kemahiran Kognitif, berbanding kanak-kanak lelaki. Adalah dicadangkan instrumen kesiediaan belajar digunakan oleh guru di sekolah untuk mengukur kesiediaan belajar kanak-kanak yang masuk ke tahun satu di sekolah, seterusnya mengasingkan pelajar mengikut penguasaan mereka dan menentukan perancangan pengajaran terhadap mereka.

DEVELOPMENTAL SCHOOL READINESS FOR EARLY CHILDHOOD

ABSTRACT

The purpose of this research was to test psychometric quality of "*Instrumen Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK)*" in measuring children's readiness to learn in a framework based on the Rasch model: (a) Analysis of Polarity Items (b) Reliability Analysis, (c) Suitability Analysis Item (Item Fit), (d) Analysis of Item Difficulty Level and Distribution of individual ability, and (e) Analysis Unidimensionality. This study aims to identify the profile of the students based on gender differences across a scale and type of pre-use analysis of variance (ANOVA) by applying one-way analysis of Tukey and Post-Hoc. This research was conducted on "*Prasekolah Annex*", "*Tadika Yayasan Islam Terengganu (YIT)*", "*Tadika KEMAS*", dan "*Tabika PERPADUAN*" available District in Besut, Terengganu and involved 500 samples. The findings show that there are 70 items were retained in the IKBAK after Rasch analysis is done by: (a) 15 items for Physical Well-Being, (b) 18 items for Language Skills; (c) 19 items for Cognitive Skills, and (d) 18 items for Sosial Development. Statistical analysis between groups of preschool readiness-scale study indicate that children from Prasekolah Annex have high mean logits for the two-scale readiness to learn the Skills scale and cognitive skills, compared with Tadika KEMAS, Tabika Perpaduan dan Tadika YIT. Where as children from Kindergarten Academics also have high mean logits for Physical Well-Being and Social Development, compared to children from Presekolah Annex, Tabika Perpaduan dan Tadika YIT. In contrast, children from Tabika Perpaduan showed the lowest mean logits in most all sizes of Physical Well-Being, Language Skills, Cognitive Skills, and Social Development of children's readiness to learn. Statistical analysis shows the boys have higher mean logits for the two scales of readiness to the scale of Language Skills and Sosial Development, as compared to girls. While the girls also have high mean logits for Physical Well-Being and Cognitive Skills, compared to boys. It is hoped readiness to learn instrument can be used by teachers in school to learn to gauge the readiness of children entering the first year in school, thus separating students according to their and determine the design of teaching them.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kesediaan belajar adalah konstruk yang penting untuk dikaji kerana maklumat tentangnya berguna untuk menentukan tahap perkembangan dan penguasaan kanak-kanak di awal tahun persekolahan (Schonkoff & Phillips, 2000; Shore, 1997). Kajian menunjukkan bahawa kegagalan guru-guru mengesan masalah kanak-kanak pada waktu mereka mula memasuki sekolah dipercayai akan menghalang mereka mendapat sepenuh kebaikan daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah (Achenbach, 1991; Offord & Lipman, 1996; Rimm-Kaufman, Pianta, & Cox, 2000). Perbezaan kanak-kanak pada tahun pertama di sekolah memberi kesan jangka masa panjang kepada kemajuan mereka di sekolah dan kehidupan mereka kemudian hari (Alexander & Entwisle, 1988). Perbezaan yang sedikit dalam pencapaian akademik pada Tahun Satu mempunyai kecenderungan untuk memberikan kesan kepada kanak-kanak beberapa tahun berikutnya (1988) jika tiada usaha untuk mengenal pasti masalah yang timbul dan melaksanakan kaedah untuk mengatasi. Justeru, perhatian perlu diberikan terhadap tingkat atau tahap kesediaan belajar yang dimiliki oleh kanak-kanak pada awal tahun di sekolah rendah.

Maklumat kesediaan belajar kanak-kanak akan menyediakan peluang bagi menjamin kejayaan individu kanak-kanak juga sekolah yang terlibat. Laporan kesediaan belajar kanak-kanak dapat membantu guru mengenal pasti perbezaan yang dimiliki kanak-kanak, dan membina jangkaan yang sesuai tentang apa yang

kanak-kanak boleh lakukan semasa masuk ke sekolah. Keputusan ujian kesediaan belajar kanak-kanak dapat digunakan guru-guru untuk mengelakkan masalah yang kanak-kanak hadapi berpanjangan dan sukar untuk diperbaiki. Seterusnya guru berupaya merancang aktiviti terbaik untuk kanak-kanak yang memiliki kesediaan belajar dan yang tidak memilikinya supaya proses pengajaran dan pembelajaran akan berlangsung dengan lebih bermakna. Justeru, kepentingan mengenal pasti instrumen yang sesuai bagi mengukur kesediaan belajar kanak-kanak berumur 6 tahun semasa berada pada akhir tahun di prasekolah untuk kegunaan guru-guru tahun satu di sekolah tidak dapat dinafikan dalam era pendidikan masa kini.

1.2 Latar belakang kajian

Pendidikan prasekolah merupakan pengalaman awal yang penting dalam dunia persekolahan seseorang kanak-kanak. Pengalaman yang diperoleh semasa mengikuti pembelajaran di prasekolah dengan berkesan dan bermakna serta mengembirakan diharap akan dapat membekalkan mereka dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif sebagai persediaan untuk memasuki alam persekolahan formal (Hussain Ahmad, 1996). Justeru peluang untuk mendapatkan pendidikan prasekolah perlu diberikan kepada semua kanak-kanak sepertimana yang ditegaskan dalam Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan iaitu:

“Peluang pendidikan prasekolah diberi kepada semua kanak-kanak tanpa mengira latar belakang sosial, agama, lokasi tempat tinggal, keadaan kesihatan mental dan fizikal kanak-kanak serta perkembangan intelek mereka. Bagi kanak-kanak berkeperluan khas mereka diberi peluang untuk belajar dalam kelas biasa atau kelas khas sesuai dengan keadaan dan keperluan mereka.”

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006a ms. 11)

Terdapat pelbagai agensi sama ada kerajaan mahupun swasta telah membangunkan institusi pendidikan awal kanak-kanak yang boleh didapati pada hari ini (Zabariah, Bustam, & Hamizah, 2006). Antara agensi kerajaan yang sedang beroperasi ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu tadika di sekolah rendah, Tadika Perpaduan Negara (Tadika PERPADUAN), Kementerian Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional, Jabatan Kemajuan Masyarakat (Tabika KEMAS), Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia, dan Jabatan Agama Islam Negeri (KAFA). Selain itu terdapat juga beberapa agensi swasta yang menawarkan program prasekolah termasuk Kesatuan agama seperti Kristian, Budha dan Hindu, Pertubuhan politik seperti Malaysian Chinese Association (MCA), Parti Islam SeMalaysia (PAS), Angkatan Belia Malaysia (ABIM), Badan korporat seperti Telekom, Celcom, Tenaga Nasional Berhad, Suruhanjaya Sekuriti (SC), Petronas dan lain-lain Pertubuhan Sukarela dan Orang persendirian.

Agenda bagi membina dan memupuk modal insan yang akan membentuk generasi masa depan, amat bergantung kepada kualiti sistem pendidikan negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006c). Justeru, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 telah dirangka dan dilancarkan untuk melaksanakan dan merealisasikan satu sistem pendidikan yang holistik, progresif, bermoral dan bertaraf dunia. Malah, program pendidikan prasekolah melalui Akta Pendidikan Kebangsaan 1996, telah dimartabatkan sebagai sebahagian dari Sistem Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1996).

Program pendidikan prasekolah dibangunkan adalah bertujuan untuk melahirkan kanak-kanak yang berjaya mengembangkan daya intelek ke tahap yang maksimum berlandaskan nilai dan tradisi bangsa yang murni (Kementerian

Pelajaran Malaysia, 2006a). Keperluan kepada program yang sedemikian rupa sememangnya amat diperlukan, memandangkan pendidikan menjadi keperluan yang kritis terhadap dasar dan program pembangunan negara. Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Areas* (NKRA) merupakan usaha kerajaan Malaysia untuk memenuhi keperluan rakyat selepas Pilihan Raya Umum Malaysia kali ke 12 pada 2008. Satu daripada enam bidang tumpuan National Key Result Areas (NKRA) ialah meluaskan akses kepada pendidikan bermutu dan termampu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).

Memperluas dan memantapkan pendidikan prasekolah menjadi agenda pertama dalam usaha untuk meluaskan akses kepada pendidikan bermutu dan termampu. Kanak-kanak seawal umur empat tahun dalam sistem prasekolah diharapkan dapat membina keyakinan dan membentuk pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Pendidikan prasekolah diharapkan dapat menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan untuk masuk ke sekolah rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006b). Sebanyak 315 buah kelas prasekolah disediakan dengan bilangan guru prasekolah seramai 7,511 orang disediakan di prasekolah pada Kementerian Pelajaran Malaysian pada tahun 2010. Semua prasekolah, kerajaan mahupun swasta telah menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) menggantikan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan bermula pada akhir tahun 2010 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009, 2010).

Konsep Pendidikan Prasekolah seperti yang disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006a) adalah satu program yang menyediakan pengalaman pembelajaran kepada kanak-kanak yang berumur

empat hingga enam tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum mendapat pendidikan formal di sekolah (Tahun Satu). Malaysia menggunakan standard antarabangsa dengan menetapkan tempoh selama 12 tahun, adalah jangka waktu pembelajaran bagi setiap murid.

Memantapkan sistem pengukuran yang lebih holistik merupakan salah satu fokus pembangunan modal insan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK - 9) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006c). Salah satu pengukuran yang perlu dilaksanakan di prasekolah untuk kegunaan guru-guru Tahun Satu di sekolah rendah dan jarang dilaksanakan di negara kita ialah pengukuran kesediaan belajar kanak-kanak. Ujian ini bertujuan untuk menempatkan dan menentukan kesediaan belajar kanak-kanak mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah. Menurut Meisels (1999), pengukuran kesediaan belajar kanak-kanak prasekolah adalah sebagai asas untuk membuat keputusan bagi membendung sebarang masalah berkaitan pembelajaran kanak-kanak, mengesan kekurangan dan kelemahan kanak-kanak dan memberikan bantuan dan perkhidmatan yang sesuai. Maklumat ini boleh dijadikan standard yang perlu dipenuhi oleh pihak pengurusan dan guru-guru prasekolah (Paro & Pianta, 2000).

Konsep kesediaan belajar kanak-kanak perlu difahami bukan sahaja dari aspek kemahiran kognitif, tetapi juga merangkumi konsep yang lebih holistik yang melibatkan beberapa bidang perkembangan seperti kognitif, sosial dan emosi, dan fizikal (Jimerson, Egeland, & Teo, 1999; Love, Aber, & Brooks-Gunn, 1994; Meisels, 1999). Kecekapan dalam semua bidang yang dinyatakan akan memastikan kanak-kanak bersedia untuk mendapatkan manfaat daripada aktiviti pembelajaran yang

dilakukan dalam persekitaran sekolah (Janus & Offord, 2000). Lima skala yang dikenalpasti sebagai mewakili skala kesediaan belajar kanak-kanak menurut Maxwell dan Clifford (2004) dan *Ready for School Goal Team* (2000) ialah:

1. Perkembangan kesihatan dan fizikal;
2. Perkembangan sosial dan emosi;
3. Pendekatan kepada pembelajaran;
4. Perkembangan bahasa dan komunikasi; dan
5. Kognitif dan pengetahuan am.

1.3 Penyataan Masalah Kajian

Apabila kanak-kanak masuk ke Tahun Satu, guru-guru akan mentadbirkan ujian sama ada KIA2M ialah akronim kepada Kursus Intervensi Awal Membaca & Menulis yang diperkenalkan pada tahun 2004. Fungsinya untuk membolehkan murid-murid menguasai 2M. Selepas itu guru-guru akan mentadbirkan ujian LINUS pula akronim daripada Literasi dan Numerasi. Diperkenalkan pada tahun 2010. Fungsinya juga membolehkan murid-murid menguasai 3M (Malaysia, 2010a, 2010b). Keperluan ini bertepatan dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang merupakan sambungan daripada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

Berdasarkan maklumat ini, guru-guru Tahun Satu cenderung untuk menggunakan ujian yang lebih berfokuskan pengukuran terhadap kognitif kanak-kanak (Asma' Munirah, Nadirah, Fazelah, Shamsul Hidayat, & Mohd. Syafiq, 2009; Haslina, 2008). Kaedah ini menyimpang daripada konsep pendidikan prasekolah dan di sekolah, kerana tidak membantu perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh yang meliputi enam aspek iaitu perkembangan komunikasi, bahasa,

kognitif, kerohanian dan moral, sosioemosi, fizikal juga kreativiti dan estetika (Asma' Munirah, et al., 2009; Saayah Abu, Siti Saleha Samsuri, & Surayah Zaidon, 2006). Menurut Janus dan Offord (2007) kecekapan dalam semua bidang ini akan memastikan kanak-kanak bersedia untuk mendapat manfaat daripada aktiviti pembelajaran yang dilakukan di persekitaran sekolah. Ujian kesediaan belajar ialah ujian yang ditadbirkan untuk mengukur kesediaan belajar kanak-kanak semasa memulakan sesuatu proses pembelajaran (Meisels, 1998). Instrumen kesediaan belajar kanak-kanak digunakan untuk menunjukkan tahap kesediaan belajar kanak-kanak bagi mendapatkan kebaikan daripada program atau kurikulum yang disediakan. Pengukuran kesediaan belajar perlu mengandungi lima perkara iaitu (Farrar, Goldfeld, & Moore, 2007; Maxwell & Clifford, 2004; Ready for School Goal Team, 2000): (1) Perkembangan kesihatan dan fizikal; (2) Perkembangan sosial dan emosi; (3) Pendekatan kepada pembelajaran; (4) Perkembangan bahasa dan komunikasi; dan (5) Kognitif dan pengetahuan am. Sudah pasti konstruk kedua-dua ujian ini melibatkan pendekatan pengukuran yang berbeza.

Instrumen pengukuran yang sesuai perlu digunakan untuk tujuan pengukuran yang spesifik (Niemeyer, 2001; Scott-Little & Niemeyer, 2001) dan bagi mendapatkan maklumat yang spesifik. Dalam kajian literatur, tidak banyak instrumen digunakan untuk mengukur kesediaan belajar kanak-kanak. Daripada 36 instrumen kesediaan belajar kanak-kanak yang dianalisis, hanya lapan dikenal pasti sebagai instrumen yang kerap digunakan bagi mengukur kesediaan belajar kanak-kanak (The Offord Centre for Child Studies, 2005). Daripada lapan ini hanya tiga instrumen digunakan secara langsung untuk mengukur kognitif dan sosio emosi kanak-kanak, iaitu *Brigance Diagnostic Inventory of Early Development*, *Development Indicator for The Assessment of Learning (DIAL-R)*, dan *Early Development Instrument (EDI)* (Janus & Offord, 2007).

Dalam konteks tempatan, terdapat satu kajian yang dilakukan oleh Rohaty (2006), yang digunakan untuk mengukur kesediaan belajar kanak-kanak dengan menggunakan *WEB Based Ecological Assessment of School Readiness (WEBEASR)*. Laman web interaktif ini menyediakan proses penilaian dengan memberi peluang semua pihak terutama ibu bapa, guru dan pemimpin komuniti mengenal pasti tahap kesediaan kanak-kanak sebelum dihantar ke sekolah rendah. Sedangkan tumpuan instrumen yang dibina dalam kajian ini adalah untuk diisi oleh guru prasekolah, kerana pengukuran terhadap kanak-kanak perlu dilakukan oleh mereka yang rapat dengan mereka dan pengukuran perlu dilakukan dalam keadaan sebenar proses pengajaran dan pembelajaran (Bromley, 2006). Kesediaan belajar awal kanak-kanak meliputi diri kanak-kanak, persekitaran sekeliling terutama keluarga dan masyarakat (Janus & Offord, 2007; Kelly & Robert, 2002; National Association for the Education of Young Children, 2004; Rohaty, 2006).

WEBEASR dibangunkan selepas projek asas, iaitu Inventori Kesediaan Kanak-Kanak Malaysia berdasarkan teori ekologi Urie Bronfrenbrenner dengan mengambil kira faktor persekitaran sebagai pengaruh utama perkembangan individu. Kaedah tersebut mengandungi lima skala, iaitu Skala Kesediaan Kanak-Kanak, Skala Kesediaan Sekolah, Skala Kesediaan Keluarga, Skala Kesediaan Komuniti dan Skala Kesediaan Global. Kajian ini adalah bertujuan memberikan fokus dan tumpuan utama bagi mengukur kesediaan belajar terhadap kanak-kanak prasekolah apabila memasuki tahun satu di sekolah.

“WEB BAsed Ecological Assessment of School Readiness (WEBEASR)”

tidak menggunakan analisis item bagi menentusahkan item-item yang terdapat dalam instrumen kesediaan belajar kanak-kanak. Osterlind (1989) menyatakan analisis item sebagai satu proses mengkaji item secara kritikal dengan tujuan mengenalpasti dan mengurangkan punca ralat pengukuran. Analisis item yang hanya bergantung kepada pertimbangan pakar untuk menentukan kualiti adalah tidak memadai. Oleh itu model pengukuran Rasch melalui analisis polariti item, kesesuaian (fit) item, unidimensional, pemetaan konstruk, pengasingan (separation) indeks dan profil pelajar menggunakan analisis varian (ANOVA) satu hala digunakan untuk menentukan kesahan item. Kajian tentang analisis item dan melihat profil pelajar adalah merupakan asas keperluan bagi kajian pembinaan item (Janus & Offord, 2007; Lay & Khoo, 2009; Poh & Melissa, 2008).

Sehingga kini, masih belum ada instrumen kesediaan belajar yang digunapakai di sekolah-sekolah di Malaysia telah ditentusahkan berdasarkan item dalam konteks Malaysia (Haslina, 2008). Kajian ini adalah dengan tujuan untuk mengenal pasti kesesuaian instrumen untuk digunapakai di sekolah, dan mencadangkan instrumen yang boleh digunakan untuk menentukan penguasaan dan pencapaian sebenar kanak-kanak tentang kesediaan belajar mereka semasa memulakan persekolahan di sekolah rendah. IKBAK dipilih kerana amat mudah untuk dilaksanakan. Selain itu semasa menggunakan IKBAK, diandaikan guru-guru prasekolah berupaya untuk memberikan laporan yang lebih tepat berasaskan penguasaan yang ditunjukkan sepanjang mereka bersama kanak-kanak di kelas prasekolah. Kanak-kanak pada usia empat, lima dan enam tahun hanya boleh menunjukkan apa yang mereka tahu. Terlalu sukar untuk mereka memberitahu apa yang mereka tahu, lebih-lebih lagi menulis berkaitan apa yang mereka tahu dan apa yang mereka boleh buat. Pengukuran yang boleh dilakukan terhadap mereka ialah

melalui pemerhatian dan rekod-rekod kerja yang mereka buat semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran semasa di dalam kelas (National Education Goals Panel Early Childhood Assessments Resource Group, 1998).

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membina Instrumen Kesediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK) bagi mengukur kesediaan belajar kanak-kanak. Secara spesifiknya, kajian ini cuba untuk menilai ciri-ciri psikometrik Instrumen Kesediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK) dan skala-skalanya dengan cara:

1. Mengenalpasti keperluan Kesediaan Belajar Awal Kanak-kanak menurut guru Tahun Satu menggunakan Kaedah Delphi.
2. Mengenalpasti domain yang diperlukan bagi membina instrumen yang mengukur kesediaan belajar awal kanak-kanak.
3. Menguji kesesuaian item Kesediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK) dalam mengukur kesediaan belajar kanak-kanak dalam kerangka Rasch Model berdasarkan;
 - a. Kebolehpercayaan item dan responden.
 - b. Kecukupan indeks pengasingan (*separation*) item dan responden.
 - c. Kesesuaian item (*item Fit*).
 - d. Aras kesukaran item dan kebolehan responden.
 - e. Kefungsian item mengukur konstruk tunggal bersifat uniskala.
4. Mengenal pasti kesukaran item mengikut skala dalam IKBAK dan kesediaan belajar responden.
5. Mengenal pasti profil pelajar berdasarkan skala dalam IKBAK mengikut;
 - a. Perbezaan jantina.

- b. Perbezaan jenis prasekolah.

1.5 Soalan Kajian

Merujuk kepada tujuan kajian di atas, beberapa soalan kajian dikemukakan antaranya:

1. Adakah maklumat tentang Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak diperlukan oleh guru tahun satu di sekolah?
2. Apakah maklumat yang diperlukan dalam instrumen bagi mengukur Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak?
3. Adakah terdapat kesesuaian item Kesiediaan Belajar Awal Kanak-kanak (IKBAK) dalam mengukur kesiediaan belajar kanak-kanak mengikut kerangka Model Rasch berdasarkan;
 - a. Kebolehpercayaan item dan responden.
 - b. Kecukupan indeks pengasingan (*separation*) item dan responden.
 - c. Kesesuaian item (*item fit*).
 - d. Aras kesukaran item dan kebolehan responden.
 - e. Kefungsian item mengukur konstruk tunggal bersifat uniskala.
4. Bagaimanakah tahap kesukaran item mengikut skala dalam IKBAK dan kesiediaan belajar responden.
5. Bagaimanakah profil pelajar berdasarkan skala dalam IKBAK mengikut;
 - a. Perbezaan jantina?
 - b. Perbezaan jenis prasekolah?

1.6 Signifikan Kajian

Kesiediaan belajar menjadi objektif utama dalam reformasi pendidikan bagi meningkatkan prestasi kanak-kanak. Banyak kajian menyokong pelaburan yang

dilakukan bagi menyediakan intervensi awal kanak-kanak dengan tujuan menggalakkan kesediaan belajar seperti yang terdapat dalam program pendidikan prasekolah (Andrew & Henry, 2004; Maxwell & Clifford, 2004; Scott-Little, Kagan, & Clifford, 2003). Kajian berskala kecil menunjukkan program prasekolah yang tinggi kualiti boleh mempertingkatkan kejayaan kanak-kanak di sekolah, dan banyak kajian menunjukkan faedah jangka masa panjang sekiranya seorang kanak-kanak menghadiri kelas prasekolah dan mengikuti ujian kesediaan belajar (Andrew & Henry, 2004).

Sehingga kini, masih belum ada instrumen kesediaan belajar yang digunakan di sekolah-sekolah di Malaysia telah ditentukan berdasarkan item dalam konteks Malaysia. Kajian ini adalah dengan tujuan untuk mengenal pasti kesesuaian instrumen untuk digunakan di sekolah, dan mencadangkan instrumen yang boleh digunakan untuk menentukan penguasaan dan pencapaian sebenar kanak-kanak tentang kesediaan belajar mereka semasa memulakan persekolahan di sekolah rendah.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan pihak sekolah maklumat tentang keadaan kesediaan belajar kanak-kanak (Janus & Offord, 2007). Maklumat yang diperolehi daripada ujian kesediaan belajar kanak-kanak dapat digunakan oleh guru-guru tahun sau bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang mereka rancang (Janus & Offord, 2007; Niemeyer, 2001). Seterusnya membantu guru-guru merancang program intervensi dan program transisi yang menyeluruh dan berkesan bagi memperbaiki sebarang kekurangan dalam diri kanak-kanak, dan mempertingkatkan lagi kecemerlangan kanak-kanak. Kesan daripada penggunaan ini dapat memastikan kanak-kanak bersedia untuk

mendapatkan faedah dan manfaat daripada seluruh aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan dalam persekitaran sekolah (Janus & Offord, 2007). Seterusnya diharapkan maklumat kesediaan belajar kanak-kanak mampu mengoptimalkan faedah daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dan menjamin kejayaan pihak sekolah.

Kajian ini juga dapat menyumbangkan maklumat baru kepada para pendidik dan individu yang terlibat dengan kanak-kanak tentang skala perkembangan kanak-kanak amnya dan kesediaan belajar kanak-kanak khususnya yang diterima oleh banyak pihak sebagai petunjuk kesediaan belajar kanak-kanak. Dengan ini diharapkan maklumat kesediaan belajar kanak-kanak akan menjadi lebih jelas dan tepat. Seterusnya para pendidik akan berusaha melengkapkan diri dengan skala perkembangan kanak-kanak yang dikenalpasti dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dan dapat memberikan output yang terbaik (Niemeyer, 2001). Kajian ini seterusnya diharapkan dapat mencetuskan lebih banyak kajian yang dapat membentuk instrumen bagi menguji kesediaan belajar kanak-kanak di pelbagai peringkat pengajian.

1.7 Skop Kajian (Delimitasi Kajian)

Bidang kajian melibatkan kesediaan belajar kanak-kanak memang luas. Oleh itu, penyelidik perlu mengecilkan fokus (Creswell, 1994) supaya kajian dapat diuruskan dengan mudah. Bahagian ini membincangkan pengecilan fokus kajian yang lebih khusus tentang kesediaan belajar kanak-kanak yang baru masuk ke Tahun Satu dari perspektif umum dan definisi keempat-empat skala kesediaan belajar kanak-kanak.

Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk meliputi skop pembinaan instrumen untuk mengukur kesediaan belajar terdiri daripada tiga elemen, iaitu Kesediaan belajar dalam diri kanak-kanak; Kemampuan sekolah; dan Sokongan keluarga dan masyarakat yang berada di sekeliling kanak-kanak (AERA/APA/NCME Joint Committee, 1985; Kelly & Robert, 2002; National Education Goals Panel, 2002; Scott-Little & Maxwell, 2000). Oleh kerana kajian ini memfokuskan kesediaan belajar ke atas diri kanak-kanak, maka dua lagi telah digugurkan.

Kesediaan belajar kanak-kanak pula merangkumi lima skala (Farrar, et al., 2007; Scott-Little & Maxwell, 2000), iaitu: Perkembangan kesihatan dan fizikal; Perkembangan sosial dan emosi; Pendekatan kepada pembelajaran; Perkembangan bahasa dan komunikasi; dan Perkembangan kognitif juga pengetahuan am. Kelima-lima ini telah berubah menjadi empat dengan nama kesejahteraan fizikal, kemahiran berbahasa, kemahiran kognitif, dan perkembangan bersosial. Namun definisi yang diberikan bagi keempat-empat skala masih luas dan perlu dikecilkan. Jadual 1.1 menunjukkan kaitan antara definisi asal, pengecilan definisi asal dan rasional yang berkaitan.

Berdasarkan Jadual 1.1 definisi kesejahteraan fizikal telah dikecilkan kepada perkembangan motor kasar, perkembangan motor halus, perkembangan sensori, dan keadaan kesihatan umum. Kemahiran Berbahasa pula difokuskan kepada perkembangan artikulasi, kefasihan, perkembangan tatabahasa dan kemahiran berbahasa. Kemahiran Kognitif melibatkan maklumat, pengetahuan lanjutan, ingatan dan konsep masa ruang. Perkembangan Bersosial pula berkaitan dengan perkembangan intrapersonal dan interpersonal.

Jadual 1.1

Kaitan antara definisi asal, pengecilan definisi asal dan rasional

Definisi asal	Pengecilan definisi asal	Rasional
Kesejahteraan Fizikal (<i>physical well-being</i>) Menurut Rohaty dan Abu Bakar (1989), perkembangan tubuh badan melalui tiga proses penting dan ia tidak mengikut tertib. Pertama, penyesuaian anggota-anggota di dalam membuat pergerakan kasar. Kedua, penyesuaian bahagian-bahagian kecil anggota di dalam membuat pergerakan halus. Ketiga, membezakan keadaan melalui pancaindera	Melibatkan perkembangan motor kasar, motor halus, perkembangan sensori dan keadaan kesihatan umum.	Kesejahteraan fizikal adalah lebih mudah untuk difahami dengan mewakili bahagian-bahagian seperti perkembangan motor kasar, motor halus, perkembangan sensori dan keadaan kesihatan umum.
Kemahiran Berbahasa (<i>Language Skills</i>) Menurut Brochner, Sandra dan Jane Jones (2003) kemahiran berbahasa adalah proses di mana kanak-kanak datang untuk memahami dan berkomunikasi dengan bahasa semasa awal kanak-kanak.	Melibatkan perkembangan artikulasi dan kefasihan, perkembangan tata bahasa, dan kemahiran berbahasa	Kemahiran Berbahasa adalah lebih mudah untuk difahami dengan mewakili bahagian-bahagian seperti perkembangan artikulasi dan kefasihan, perkembangan tata bahasa, dan kemahiran berbahasa.
Kemahiran Kognitif (<i>Kognitive Skills</i>). Menurut Piaget (1972), kemahiran kognitif berlaku melalui skema. Skema merupakan bentuk asas pengetahuan manusia. Perkembangan kognitif berlaku dalam dua proses iaitu adaptasi dan organisasi.	Melibatkan maklumat, pengetahuan lanjutan ingatan dan konsep masa ruang	Kemahiran Kognitif adalah lebih mudah untuk difahami dengan mewakili bahagian-bahagian seperti maklumat, pengetahuan lanjutan ingatan dan konsep masa ruang.
Perkembangan Bersosial (<i>Social Development</i>). Menurut Kail (2011) menyatakan bahwa Perkembangan Bersosial merupakan pencapaian kematangan dalam hubungan sosial. Perkembangan sosial dapat pula diartikan sebagai proses belajar untuk menyesuaikan diri terhadap norma-norma kelompok, moral dan tradisi ; meleburkan diri menjadi satu kesatuan dan saling berkomunikasi dan kerja sama.	Melibatkan perkembangan intrapersonal dan kemahiran interpersonal	Perkembangan Bersosial adalah lebih mudah untuk difahami dengan mewakili bahagian-bahagian seperti perkembangan intrapersonal dan kemahiran interpersonal.

1.8 Batasan Kajian

Populasi kanak-kanak untuk kajian ini adalah semua kanak-kanak berumur 6 tahun yang berada di prasekolah di Daerah Besut, Terengganu. Secara umumnya, hanya terdapat 4 jenis prasekolah di Daerah Besut, Terengganu iaitu:

- 1 Prasekolah Annex,
- 2 Tadika PERPADUAN,

- 3 Tabika KEMAS, dan
- 4 Tadika Yayasan Islam Negeri Terengganu.

Untuk kajian ini, kesemua empat jenis prasekolah yang disebutkan diambilkira. Namun begitu disebabkan limitasi kos dan masa, kajian ini hanya dibataskan kepada kajian di Prasekolah Annex, Tadika PERPADUAN, Tabika KEMAS dan Tadika Yayasan Islam yang dipilih sahaja. Adalah dianggarkan seluruh Daerah Besut terdapat 51 buah Prasekolah Annex dengan 55 buah kelas, dua buah Tadika Yayasan Islam Terengganu dengan 12 kelas, 12 buah tadika PERPADUAN dengan 12 kelas, dan 122 buah tabika KEMAS dengan 122 buah kelas. Bilangan kelas yang dipilih dalam kajian ini ialah tujuh buah kelas Prasekolah Annex, dua buah kelas Tadika Yayasan Islam, empat buah kelas Tabika PERPADUAN, dan 17 buah kelas Tabika KEMAS. Pemilihan kelas prasekolah seperti yang dinyatakan di atas, adalah berdasarkan persampelan rawak mudah dan persampelan rawak strata. Maklumat lanjut tentang proses persampelan sila rujuk Bab 3.

Perkembangan kanak-kanak adalah terlalu cepat dan berlaku tidak sama antara satu individu dengan yang lain. Kanak-kanak berubah secara cepat dalam tempoh yang singkat. Mereka mungkin menjadi terlalu maju dalam sesuatu bidang perkembangan dan terlalu lambat dalam bidang perkembangan yang lain pada satu-satu masa. Keadaan yang mereka miliki tidak kekal lama dan boleh berubah mengikut pendedahan yang diterima (National Education Goals Panel Early Childhood Assessments Resource Group, 1998). Oleh sebab itu, keputusan daripada pengukuran kanak-kanak hanya boleh digunakan dalam jangka masa yang singkat (Ann, Lawrence, Andrea, & Kenneth, 2004). Oleh kerana itu keputusan ujian direkodkan adalah pada penghujung tahun prasekolah, sebelum kanak-kanak

bercuti dan akan memulakan persekolahan pada awal tahun berikutnya. Laporan yang disediakan adalah untuk guru-guru tahun satu di sekolah pada awal tahun berikutnya.

Kanak-kanak tidak berupaya untuk menyelesaikan ujian piawai yang tradisional. Mereka tidak belajar bagaimana menggunakan pensil untuk menanda jawapan dalam ujian. Tambahan lagi mereka memiliki kemampuan membaca yang terhad, kadang-kadang bertindak dengan tidak dijangkakan dalam situasi ujian yang diambil, dan memiliki tempoh memberikan perhatian yang singkat. Dengan masalah yang mereka miliki ini, mustahil untuk melaksanakan ujian piawai yang melibatkan kertas dan pensil (National Education Goals Panel Early Childhood Assessments Resource Group, 1998). Maka IKBAK dipilih kerana amat mudah untuk dilaksanakan. Selain itu semasa menggunakan IKBAK, diandaikan guru-guru prasekolah berupaya untuk memberikan laporan yang lebih tepat berasaskan penguasaan yang ditunjukkan sepanjang mereka bersama kanak-kanak di kelas prasekolah. Kanak-kanak pada usia empat, lima dan enam tahun hanya boleh menunjukkan apa yang mereka tahu. Terlalu sukar untuk mereka memberitahu apa yang mereka tahu, lebih-lebih lagi menulis berkaitan apa yang mereka tahu dan apa yang mereka boleh buat. Pengukuran yang boleh dilakukan terhadap mereka ialah melalui pemerhatian dan rekod-rekod kerja yang mereka buat semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran semasa di dalam kelas (National Education Goals Panel Early Childhood Assessments Resource Group, 1998).

Prestasi kanak-kanak menggambarkan keadaan sebenar kanak-kanak semasa pengukuran dibuat, dan ini merupakan faktor yang penting untuk kanak-

kanak di prasekolah. Keputusan pengukuran yang ditunjukkan lebih kepada pengalaman yang kanak-kanak miliki berbanding potensi untuk berjaya di sekolah. Proses mengumpul data dan menterjemahkan pengukuran kepada suatu yang bermakna adalah mencabar dan mesti dilakukan secara berhati-hati, mereka yang pakar tentang kanak-kanak sahaja boleh melaksanakannya (National Education Goals Panel Early Childhood Assessments Resource Group, 1998).

1.9 Definisi Operasi Konseptual dan Definisi Operasi

Untuk mencapai objektif yang ditetapkan, penyelidik telah menggunakan definisi konseptual dan definisi operasi berikut;

1.9.1 Kesiediaan belajar

Kesiediaan belajar atau *readiness to learn* adalah berkaitan dengan kesiediaan belajar dalam piawai tentang keadaan fizikal, pemikiran, dan perkembangan sosial yang membenarkan kanak-kanak memenuhi keperluan sekolah dan terlibat dalam kurikulum di sekolah (Kagan, 1990). Dalam kajian ini kesiediaan belajar ditentukan dengan mengukur:

1. Kesejahteraan fizikal,
2. Kemahiran berbahasa,
3. Kemahiran kognitif, dan
4. Perkembangan bersosial.

1.9.2 Kesejahteraan Fizikal

Kesejahteraan fizikal dalam kajian ini mengambilkira perkembangan motor kasar, motor halus, perkembangan sensori dan keadaan kesihatan umum (Nurss &

McGauvran, 1990). Perkembangan motor kasar bermaksud tindakan yang melibatkan pergerakan yang besar seperti gerakan anggota tangan, lengan, kaki atau keseluruhan bahagian badan. Perkembangan motor halus pula memberi maksud pengawalan otot-otot kecil pada tangan, pergelangan tangan, jari-jari tangan, kaki, jari kaki, bibir dan lidah (Bayley, 1993). Perkembangan sensori berkaitan dengan perkembangan penggunaan deria dalam pergerakan fizikal, dan keadaan kesihatan umum pula berkaitan dengan keadaan kesihatan secara umum yang perlu dimiliki sesuai dengan umur kanak-kanak (Berk, 1989).

1.9.3 Kemahiran Berbahasa

Kemahiran berbahasa yang digunakan dalam kajian ini melibatkan perkembangan artikulasi dan kefasihan, perkembangan tata bahasa, dan kemahiran berbahasa. Perkembangan artikulasi merupakan perkembangan alat tutur yang memainkan peranan penting dalam mengeluarkan dan menghasilkan bunyi bahasa. Kefasihan pula membawa maksud kelancaran, kepetahlidahan, kecalakan dan kemahiran. Perkembangan tatabahasa ialah perkembangan yang menumpukan perhatian terhadap pembentukan kata dan proses pembinaan ayat sesuatu bahasa (Nurss & McGauvran, 1990).

1.9.4 Kemahiran Kognitif

Kemahiran kognitif yang digunakan dalam kajian ini melibatkan maklumat, pengetahuan lanjutan ingatan dan konsep masa ruang. Maklumat dan pengetahuan lanjutan ingatan adalah berkait dengan maklumat yang boleh diingat kanak-kanak sama ada yang asas dan lanjutan. Konsep ruang dan masa pula berkait dengan

kebolehan memahami konsep masa, matematik asas, dan ruang (Nurss & McGauvran, 1990).

1.9.5 Perkembangan Bersosial

Perkemangan bersosial yang digunakan dalam kajian ini melibatkan perkembangan kemahiran intrapersonal dan kemahiran interpersonal. Perkembangan intrapersonal berkaitan dengan kemahiran untuk memahami perasaan sendiri dan keupayaan untuk membezakan perasaan-perasaan tersebut untuk memandu tingkah laku (Howard, 2006). Manakala perkembangan kemahiran interpersonal pula merupakan kemahiran untuk menerap dan bergerakbalas secara sesuai terhadap "mood", perangai, motivasi, dan kehendak orang lain (Howard, 2006).

1.10 Rumusan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membina instrumen yang dapat mengukur kesediaan belajar awal kanak-kanak. Bab ini telah membincangkan pernyataan masalah kajian, tujuan kajian, soalan kajian, signifikan kajian, skop kajian, batasan kajian dan definisi operasi konseptual dan definisi operasi kajian. Kajian ini akan memberikan impak kepada amalan penilaian di prasekolah dan di sekolah bagi guru-guru prasekolah dan guru-guru tahun satu di sekolah. Bab dua yang berikutnya pula akan membincangkan sorotan kajian-kajian yang lalu. Daripada sorotan tersebut, pembinaan kerangka konsep kajian telah dilakukan berdasarkan kerangka teori yang dibincangkan.

RUJUKAN:

- Achenbach, T. M. (1991). *Manual for the Child Behavior Checklist*. Burlington: University of Vermont.
- AERA/APA/NCME Joint Committee (1985). *Technical standards for educational and psychological testing*. Washington DC:: American Psychological Association.
- Alexander, K. L., & Entwisle, D. R. (1988). *Achievement in the first 2 years of school: Patterns and processes*. *Monographs of the Society for Research in Child Development*.
- Andrew, J. M., & Henry, G. T. (2004). Assessing school readiness: Validity and bias in preschool and kindergarten teachers' ratings. *Educational Measurement, Issues and Practice*, 23(4), 15.
- Ann, S., Lawrence, J., Andrea, & Kenneth, B. (2004). *Preschool assessment: A guide to developing a balanced approach*. New Jersey: National Institute for Early Education Research.
- Asma' Munirah, Nadirah, Fazielah, Shamsul Hidayat, & Mohd. Syafiq (2009). *Isu-isu yang wujud dalam dan luar negara diperingkat awal kanak-kanak* Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bayley, N. (1993). *Bayley Scale of Infant Development* (2nd ed.). New York: Psychological Corporation.
- Berk (1989). *Child Development*. Mass: Allyn and Bacon.
- Bochner, Sandra, & Jane Jones (2003). *Child Language Development: Learning to Talk*. London: Whurr Publishers.
- Bromley, A. (2006). Teachers better at rating child's behaviors, parents better at rating child's emotional states. Retrieved from <http://www.medicalnewstoday.com/medicalnews.php?newsid=41256>
- Creswell, J. W. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oaks, CA: SAGE.
- Farrar, E., Goldfeld, S., & Moore, T. (2007). *School Readiness*. Melbourne: Australian Research Alliance for Children and Youth.
- Haslina (2008). *Kesediaan Belajar Kanak-kanak Prasekolah*. Paper presented at the Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pendidikan Khas, Cititel Hotel, Pulau Pinang.
- Howard, E. G. (2006). *Multiple Intelligences: New Horizons in Theory and Practice*: Basic Books.
- Hussain Ahmad (1996). *Dasar, status pelaksanaan dan masa depan pendidikan prasekolah di Malaysia*. Paper presented at the Seminar kebangsaan pendidikan Prasekolah, Pulau Pinang.
- Janus, M., & Offord, D. (2000). Readiness to learn at school. *ISUMA*, 1(2), 71-75.
- Janus, M., & Offord, D. R. (2007). *Development and psychometric properties of the Early Development Instrument (EDI): A measure of children's school readiness*. Hamilton: Offord Centre for Child Studies, Department of Psychiatry and Behavioural Neurosciences, McMaster University.
- Jimerson, S., Egeland, B., & Teo, A. (1999). A longitudinal study of achievement trajectories: Factors associated with change. *Journal of Educational Psychology*, 91(1), 116-126.
- Kagan, S. L. (1990). Readiness 2000: Rethinking rhetoric and responsibility. *Phi Delta Kappan*, 72, 272-279.
- Kail, R. V. (2011). *Children and Their Development* (6th ed.). Englewood Cliffs, N.J: Prentice Hall.
- Kelly, E., & Robert, B. (2002). *Kindergarten readiness: An overview of issues and assessment*. Pittsburgh: University of Pittsburgh Office of Child Development.

- Kementerian Pelajaran Malaysia (1996). *Akta pendidikan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kementerian Malaysia - Kerajaan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006a). *Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006b). *Kurikulum Prasekolah Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006c). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2009). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2010). National Key Result Areas (NKRA). from Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan:
- Lay, Y. W., & Khoo, C. H. (2009). *Analisis data berkomputer dengan SPSS 16.0 for windows*. Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Love, J. M., Aber, J. L., & Brooks-Gunn, J. (1994). *Strategies for Assessing Community Progress Toward Achieving the First National Educational Goal*. Princeton, NJ: Mathematica Policy Research, Inc.
- Malaysia, K. P. (2010a). *Manual Am Instrumen Saringan Literasi (Lisan dan Bertulis)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Malaysia, K. P. (2010b). *Manual Am Instrumen Saringan Numerasi (Lisan dan Bertulis)*. Kuala Lumpur: Kemenerian Pelajaran Malaysia.
- Maxwell, K., & Clifford, R. M. (2004). Research in Review: School readiness assessment. *Young Children*, 59 (1), 42-46.
- Meisels, S. J. (1998). *Assessing readiness*. Michigan: Center for the Improvement of Early Reading Achievement, University of Michigan.
- Meisels, S. J. (1999). *Assessing readiness. The transition to kindergarten*. In I. R. C. Pianta & M. J. Cox (Eds.), (pp. 39-66). Baltimore, MD: Paul H. Brookes Publishing Co.
- National Association for the Education of Young Children (2004). Where we stand on school readiness. doi:<http://www.naeyc.org/resources/position-statements/psready98.pdf>.
- National Education Goals Panel (2002). *The national education goals report: Building a nation of learners*. Washington: DC:U. S. Government Printing Office.
- National Education Goals Panel Early Childhood Assessments Resource Group (1998). *Principles and recommendations for early childhood assessments*. Washington: DC : US Department of Education.
- Niemeyer, J. (2001). *Assessing kindergarten children : What school systems need to know*. Greensboro: University of North Carolina.
- Nurss, J. R., & McGauvran, M. E. (1990). United State of America Patent No. Harcourt Brace Jovanovich.
- Offord, D. R., & Lipman, E. L. (1996). *Emotional and behavioural problems. In Anonymous, Growing up in Canada: National Longitudinal Survey of Children and Youth*. Ottawa: Human Resources Development Canada.
- Osterlind, S. J. (1989). *Constructing test item*. Boston: Kluwer Academic Publisher.
- Paro, K. M. L., & Pianta, R. C. (2000). Predicting children's competence in the early school years : A meta-analytic review. *Review of Educational Research*, 70, 443 - 484.
- Piaget, J. (1972). *The psychology of the child*. New York: Basic Books.
- Poh, B. T., & Melissa, N. L. Y. (2008). Kesan faktor jantina, etnik dan gaya kognitif ke atas pencapaian pengajian am. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 23, 123-140.

- Ready for School Goal Team (2000). *Strategies for defining, measuring, and promoting success for all children*. Carolina: North Carolina School Improvement Panel.
- Rimm-Kaufman, S. E., Pianta, R. C., & Cox, M. J. (2000). Teachers' judgments of problems in the transition to kindergarten. *Early Childhood Research Quarterly, 15*, 147-165.
- Rohaty (2006). The Development of a WEB BAsed Ecological Assessment of School Readiness (WEBEASR).
- Rohaty, & Abu Bakar (1989). *Pendidikan Prasekolah*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Rohaty Mohd Majzub (2006). The Development of a WEB BAsed Ecological Assessment of School Readiness (WEBEASR).
- Saayah Abu, Siti Saleha Samsuri, & Surayah Zaidon (2006). *Panduan untuk pengusaha tabika*. Kuala Lumpur PTS PROFESSIONAL.
- Schonkoff, J. P., & Phillips, D. A. (2000). *From Neurons to Neighborhoods*. Washington: Washington,D.C.: National Academy Press.
- Scott-Little, C., Kagan, S. L., & Clifford, R. M. (2003). *Assessing the state of state assessments: Perspectives on assessing young children*. Greensboro: SERVE.
- Scott-Little, C., & Maxwell, K. (2000). *School readiness in North Carolina: Strategies for defining, measuring, and promoting success FOR ALL CHILDREN*. Greensboro: School of Education University of North Carolina.
- Scott-Little, C., & Niemeier, J. (2001). *Assessing Kindergarten Children: What School Systems Need to Know*. Greensboro: University of North Carolina.
- Shore, R. (1997). *Rethinking the Brain: New Insights into Early Development*. New York: Families and Work Institute.
- The Offord Centre for Child Studies (2005). McMaster University, hamilton health Sciences Corporation.
- Zabariah, P., Bustam, & Hamizah, R. (2006). *Tadika Berkualiti*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Pelbagai ujian ditadbirkan terhadap kanak-kanak sama ada yang baru masuk ke prasekolah, terhadap kanak-kanak pada akhir prasekolah dan terhadap kanak-kanak yang masuk ke tahun satu. Persoalannya untuk apakah kanak-kanak diberikan ujian? Ramai menyatakan bahawa ujian diberikan pada kanak-kanak untuk mengetahui penguasaan berkaitan 3M (membaca, menulis dan mengira) (Haslina, 2008). Pelbagai format ujian ditadbirkan dan berbeza-beza mengikut jenis prasekolah yang kanak-kanak ikuti. National Educational Goals Panel (National Education Goals Panel Early Childhood Assessments Resource Group, 1998) telah mengenalpasti lima tujuan utama mengukur kesediaan belajar kanak-kanak (Shepard, Kagan, & Wurtz, 1998), iaitu:

1. Meningkatkan pembelajaran,
2. Menenalpasti keperluan khusus kanak-kanak,
3. Menilai program,
4. Mengurus corak pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki kanak-kanak mengikut masa, dan
5. Asas untuk mengukur akauntabiliti.

Dua daripada tujuan pengukuran kesediaan belajar kanak-kanak, dikenalpati sesuai untuk kajian ini. Pertama, untuk meningkatkan hasil pembelajaran, dan kedua mengurus corak pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki kanak-kanak

mengikuti perubahan masa. Instrumen kesediaan belajar kanak-kanak yang dibina dalam kajian ini adalah bertujuan untuk meningkatkan hasil pembelajaran kanak-kanak yang masuk ke sekolah pada awal tahun di Tahun Satu dan untuk memberikan gambaran kepada pihak yang berkepentingan untuk mengawal corak kesediaan belajar (Maxwell & Clifford, 2004). Ujian tersebut dirancang dan dilaksanakan pada penghujung tahun selepas kanak-kanak selesai mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah sebelum masuk ke tahun satu.

Kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang amat ketara tentang kesediaan belajar kanak-kanak secara relatif antara kanak-kanak yang masuk ke tahun satu di sekolah (Maxwell & Clifford, 2004; Meisels, 1998). Keperluan kepada data pengukuran kesediaan belajar kanak-kanak semakin penting dari tahun ke tahun. Pembuat polisi memerlukan data ini untuk mengenalpasti ciri-ciri kanak-kanak yang datang ke sekolah dan menentukan perbezaan pengalaman kanak-kanak sebelum mereka menjejakkan kaki ke sekolah. Ibu bapa dan guru-guru pula memerlukan maklumat yang tepat tentang kekuatan dan kelemahan kanak-kanak supaya dapat merancang aktiviti terbaik bagi menyokong pembelajaran kanak-kanak. Pihak sekolah pula memerlukan gambaran yang tepat tentang kemahiran dan kemampuan kanak-kanak sebagai asas untuk memahami dan menjangkakan keputusan pencapaian ujian di tahun-tahun berikutnya (Scott-Little & Niemeyer, 2001). Walau bagaimanapun pengukuran yang dilakukan terhadap kanak-kanak dibimbangi akan memberikan kesan yang tidak baik kepada mereka (Niemeyer, 2001; Scott-Little & Niemeyer, 2001). Maka pemilihan jenis pengukuran yang ingin dilakukan perlulah bertepatan dengan keadaan semula jadi kanak-kanak. Tambahan pula keputusan pengukuran yang dilakukan akan digunakan untuk membuat keputusan terhadap individu kanak-kanak atau kanak-kanak secara kumpulan (Maxwell & Clifford, 2004; Saluja, Scott-Little, & Clifford, 2000). Justeru,

pemilihan ujian yang benar-benar tepat dan piawai adalah diperlukan. Kesemua instrumen kesediaan belajar ditadbirkan untuk mengukur kesediaan belajar kanak-kanak pada masa tersebut (Maxwell & Clifford, 2004; Saluja, et al., 2000).

2.2 Falsafah Kesediaan Belajar Awal Kanak-kanak

Proses pengajaran perlu berasaskan pengukuran yang komprehensif tentang kemahiran, pengetahuan, perlakuan dan pencapaian kanak-kanak (Meisels, 1998). Ketepatan definisi kesediaan belajar kanak-kanak yang diperoleh akan menentukan kanak-kanak mendapatkan intervensi awal yang tepat dan semua kanak-kanak mendapat peluang yang sama dan lebih baik untuk berjaya (Meisels, 1998). Bahagian ini akan membincangkan falsafah kesediaan belajar kanak-kanak. Miesels (1998) telah membincangkan empat falsafah kesediaan belajar kanak-kanak iaitu:

1. Fahaman Idealis / Nativis (*Idealist / Nativist*),
2. Fahaman Empiris / Pencinta Persekitaran (*Empiricist / Environmental*),
3. Fahaman Sosial Konstruktif (*Social Constructivist*), dan
4. Fahaman Interaktif (*Interactionist*).

2.2.1 Fahaman Idealis / Nativis (*Idealist / Nativist*)

Fahaman Idealis / nativis berpandangan bahawa kesediaan belajar kanak-kanak di sekolah berfungsi dengan kematangan kanak-kanak, bukan berdasarkan sesuatu yang berada di luar kanak-kanak (Meisels, 1998). Kanak-kanak dikatakan memiliki kesediaan belajar apabila mereka mencapai tingkat kematangan tertentu seperti boleh duduk dengan senyap, boleh memberikan fokus kepada tugas, boleh berhubung dengan orang lain dengan baik, dan dapat menerima arahan

daripada orang dewasa. Perkembangan hanyalah sesuatu yang berada di luar, iaitu faktor yang mempengaruhi perlakuan dan pembelajaran dan saling berhubung antara satu dengan lain (Ilg & Ames, 1972).

Menurut perspektif idealis konsep perkembangan adalah abstrak. Bermakna perkembangan hanyalah sesuatu yang berada di luar, iaitu faktor yang mempengaruhi perlakuan dan pembelajaran dan saling berhubung antara satu dengan lain (Ilg & Ames, 1972). Perspektif ini tidak menafikan pengaruh persekitaran yang mempengaruhi kehidupan kanak-kanak, tetapi menegaskan aspek perkembangan dikawal pada permulaan lagi bagi memastikan hasil yang diperoleh pada akhir tempoh. Sebagai rumusan, makna perkembangan menurut perspektif idealis diletakkan sebagai perkembangan dalaman dan bukannya sesuatu yang berkaitan dengan aktiviti luaran (Kohlberg & Mayer, 1972; Smith & Shepard, 1988).

Menurut perspektif idealis / nativis, kesediaan belajar kanak-kanak membantu kanak-kanak bersedia untuk belajar. Kita hanya boleh lakukan sedikit untuk mempercepatkan proses ini. Selebihnya, keputusan banyak bergantung kepada faktor dalaman (Meisels, 1998). Perkembangan dan kemahiran kanak-kanak tidak banyak bergantung pada manipulasi oleh persekitaran kanak-kanak. Mereka yang bersetuju dengan pendapat ini beranggapan pengulangan sesi prasekolah atau menghadiri program prasekolah adalah sesuai untuk kanak-kanak yang tidak bersedia ke sekolah. Proses ini seolah-olah menunggu masa kanak-kanak supaya cukup matang dan benar-benar bersedia untuk ke sekolah (Meisels, 1998).